

JABATAN KORPORAT  
TARIKH: 24.11.2023 MASA: 03.15pm  
MUKTAMAD



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN LATIHAN DAN TAKLIMAT  
WARDEN LALU LINTAS SEKOLAH DI SEBERANG  
PERAI

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**27 NOVEMBER 2023 (ISNIN)**  
**2.30 PETANG**

**AUDITORIUM**  
**MENARA BANDARAYA**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, **Majlis Perasmian Latihan dan Taklimat Warden Lalu Lintas Sekolah di Seberang Perai Bagi Sesi 2023 / 2024**dapat kita sempurnakan pada hari ini.
2. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis MBSP; Tuan Setiausaha Bandaraya; Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; Inspektor Mohd Farizal bin Omar, Pegawai Penguatkuasa Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik IPS SPT; Encik Shahrul Rizal Bin Mah Shariff, Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Unit Hal Ehwal Murid, Sektor Pembangunan Murid, Pejabat Pendidikan Daerah Seberang Perai Tengah; Warden-Warden Lalu Lintas yang dilantik; dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada petang ini.
3. Majlis Bandaraya Seberang Perai amat prihatin terhadap keselamatan pelajar-pelajar sekolah dan kesesakan lalu lintas di sekitar sekolah-

sekolah di Seberang Perai pada waktu puncak. Sejak tahun 2009, hasil daripada keputusan yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah diberikan peranan dan tanggungjawab untuk melantik dan membayar elauan kepada warden lalu lintas sekolah. MBSP menyediakan peruntukan sebanyak RM35,000.00 setahun untuk perkhidmatan warden lalu lintas sekolah di Seberang Perai.

4. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah berkerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk memberi latihan dan taklimat kepada warden lalu lintas sekolah bagi membantu pelajar sekolah untuk melintas jalan secara selamat dan terkawal; memastikan keselamatan pelajar sekolah dan pengguna jalan raya yang lain pada waktu puncak, iaitu pada waktu pagi, tengah hari dan petang; dan memastikan kelancaran lalu lintas di hadapan sekolah.
5. Untuk memastikan kelancaran lalu lintas di sekitar sekolah, pihak sekolah yang memerlukan khidmat warden lalu lintas sekolah akan mencalonkan seseorang di kalangan kakitangan sekolah yang boleh melaksanakan tugas sebagai warden lalulintas sekolah kepada Pengarah Pendidikan Negeri Pulau Pinang. Senarai kesemua calon-

calon warden lalu lintas sekolah yang diperakukan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dan dikemukakan kepada pihak MBSP untuk urusan pelantikan rasmi sebagai warden lalu lintas sekolah. Pihak PDRM pula memberikan latihan dan taklimat kepada warden-warden lalu lintas sekolah yang dilantik.

6. MBSP juga akan membekalkan peralatan keselamatan dan baju seragam warden lalulintas sekolah kepada pihak sekolah. Peralatan keselamatan dan baju seragam warden lalulintas sekolah yang dibekalkan kepada warden lalulintas adalah topi, sarung tangan, jaket keselamatan, wisel, papan tanda berhenti, coat putih paras lutut dan baju hujan. Peralatan ini akan dibekalkan kepada warden lalulintas sekolah yang telah menghadiri latihan dan taklimat warden lalulintas sekolah di Seberang Perai.
7. Pada tahun ini, sebanyak 18 permohonan daripada pihak sekolah telah dikemukakan kepada MBSP. Oleh yang demikian, MBSP menyelaraskan taklimat dan latihan dengan menggunakan khidmat PDRM. Latihan dan taklimat ini juga akan melibatkan warden lalulintas sekolah sedia ada iaitu sebanyak 39 sekolah bagi dengan memberikan kursus *refresher*. Jumlah keseluruhan akan melibatkan

lebih kurang 57 buah sekolah di Seberang Perai (satu sekolah, satu warden lalulintas).

8. Tujuan taklimat dan latihan yang diadakan ini adalah salah satu syarat untuk pelantikan dan pembayaran elauan kepada warden lalu lintas sekolah.
9. Kesemua warden lalu lintas sekolah yang dilantik atau akan dilantik adalah diharapkan agar menjalankan amanah dan tanggungjawab dengan profesional dan penuh integriti dan melaksanakan tugas menjaga keselamatan murid semasa pengawalan lalu lintas lebih berkesan. Meskipun Warden Lalu Lintas Sekolah ini adalah terlatih, namun kerjasama semua pengguna jalan raya, pelajar dan ibu bapa amat diharapkan untuk memastikan lalu lintas terkawal dan keselamatan pengguna dan pelajar sekolah adalah terjamin.
10. Para warden lalu lintas sekolah yang akan menjalani latihan dan taklimat, hendaklah menunjukkan kesungguhan bekerja, mencurahkan tenaga dan kesanggupan melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan.

11. Mengakhiri ucapan, saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua warden yang akan mengikuti latihan dan taklimat pada hari ini. Disamping itu juga, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang serta semua pihak yang bersama-sama menjayakan Program Latihan dan Taklimat Warden Lalu Lintas Sekolah pada hari ini.
12. Akhir kata, dengan lafaz suci ***Bismillahir Rahmanir Rahim*** saya merasmikan **Program Latihan dan Taklimat Warden Lalu Lintas**.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***